




SULTAN Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar selaku Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) ketika beritiah merasmikan Majlis Konvokesyen UTHM di Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.



▲ SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR berkenan memerika perbarisan tabik hormat yang dianggotai oleh pasukan badan beruniform sempena Majlis Konvokesyen UTHM, baru-baru ini.

◀ SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR bersama Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Tan Sri Ir. Jamilus Md. Hussin selepas merasmikan Majlis Konvokesyen UTHM.

Makrifat ilmu berdaulat Sultan Johor

TIDAK dapat dinafikan Sultan Ibrahim Sultan Iskandar selaku Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat iaitu pemimpin tertinggi menara gading itu mempamerkan ilmu pengetahuan yang berdaulat (makrifat).

Makrifat Sultan Johor itu dapat dilihat dalam disiplin agama, pentadbiran dan kepimpinan, kemasyarakatan, ekonomi dan siasah yang 'menyulahi' perjalanan negeri ini.

Ilmu pengetahuan baginda dikongsi bersama bukan sahaja dengan kepimpinan universiti, mahasiswa, ibu bapa dan rakyat keseluruhan menerusi titahnya ketika merasmikan konvokesyen UTHM di Batu Pahat, Johor pada Oktober lalu, tetapi juga dalam majlis-majlis yang dihadiri baginda bersama rakyat.

Begitu juga ilmu baginda bukan sahaja berdaulat kerana mempunyai kuasa atau hak tertinggi dalam pemerintahan negeri tetapi lantaran kebenaran, ketepatan dan kewibawaan ilmu yang baginda miliki.

Menurut Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional UTHM, Prof. Dr. Ahmad Esa, makrifat ilmu baginda terpancar apabila baginda menasihati pemimpin-pemimpin tertentu supaya tidak mencampuri urusan pentadbiran negeri Johor.

"Titah kebenaran ucapan tersebut menepati sebahagian daripada maksud daulat itu sendiri iaitu mempunyai hak sepenuhnya ke atas urusan atau pemerintahan negeri," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini.

Selain itu, baginda menasihatkan para graduan terutama graduan UTHM supaya bersyukur kepada Allah dan sentiasa berpegang teguh ajaran agama.

"Graduan juga diingatkan agar berterima kasih kepada kerajaan, pentadbiran universiti dan ibu bapa kerana menyediakan segala kemudahan dan sokongan hingga mereka memperoleh kejayaan.

"Di samping itu graduan sering diingatkan bahawa mereka adalah pemimpin masa depan. Oleh itu, mereka perlu mempunyai jati diri dan mempamerkan nilai-nilai murni seperti tidak bersikap sombong apabila telah memiliki segulung ijazah," katanya.

Ahmad berkata, Sultan Johor turut menasihatkan mereka supaya berusaha keras mencari pekerjaan dalam situasi ekonomi yang memerlukan mereka mempunyai daya saing yang tinggi.

Bagi memulakan kehidupan berkerjaya, Sultan Ibrahim mengingatkan mereka agar tidak memilih kerja dengan memulakan pekerjaan dari bawah sebelum menjawab jawatan lebih tinggi.

Baginda, katanya, berpesan kepada graduan untuk meningkatkan nilai tambah ilmu dan kemahiran seperti meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris.

"Graduan juga diingatkan supaya tidak menyalahgunakan ilmu bagi tujuan yang tidak baik seperti menipu dan mencuri," ujarnya.